

# UMS Hasrat Hasilkan Penyelidikan dan Inovasi, Bantu Selesaikan Masalah Industri

Terakhir dikemaskini: Selasa, 29 Oktober 2019 14:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 16

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**SELASA, 29 OKT** - Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk ChM. Dr. Yap Yun Hin berkata UMS sentiasa mempertingkatkan usaha untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak industri menerusi penghasilan inovasi.

Menurut beliau, dalam era globalisasi dan ledakan Revolusi Industri 4.0, UMS tidak mahu ketinggalan untuk sama-sama maju dan membantu memenuhi keperluan negara khususnya dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan.

“Justeru, perkara utama yang perlu kita lakukan adalah memfokuskan keupayaan kita untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dan seterusnya menghasilkan inovasi yang dapat membawa kebaikan kepada semua pihak.

“Saya berharap semua pihak menggembungkan tenaga menjalankan penyelidikan masing-masing dengan upaya dan kreativiti yang optimal,” katanya.

Taufiq menambah, lebih banyak inovasi berkaitan perniagaan yang melibatkan teknologi perlu dijalankan disamping mempertingkatkan kolaborasi dengan pihak luar.

“Kolaborasi ini perlu dijalankan dalam situasi menang-menang, iaitu kita mempunyai kepakaran dan mereka (pihak industri) membayai kos pembangunan penyelidikan dan reka cipta yang dapat memberi keuntungan kepada industri dan bermanfaat kepada masyarakat,” tambahnya ketika merasmikan penutupan Pertandingan Penyelidikan dan Reka Cipta (PEREKA 2019) di UMS, baru-baru ini.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul berkata sebanyak 259 penyertaan PEREKA dipertandingkan pada tahun ini dan ia merupakan peningkatan 100 peratus berbanding tahun lalu.

“Daripada 259 penyertaan itu, 20 daripadanya merupakan produk berdasarkan makanan dan kosmetik yang telahpun mendapat tempat dalam bidang industri dan akan dipasarkan tidak lama lagi,” ujarnya.

PEREKA 2019 dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Akademia dan turut disertai oleh sekolah-sekolah menengah di sekitar Kota Kinabalu.

Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sanzac, SMK Inanam, Sekolah Menengah (SM) Lok Yuk dan SM All Saints Kota Kinabalu.